

AKHBAR : BERITA HARIAN
MUKA SURAT : 2
RUANGAN : NASIONAL

KKM tubuh pasukan khas siasat kematian pakar patologi kimia

Penubuhan selari pendirian kementerian tak bertolak ansur kes buli di tempat kerja

Oleh Latifah Arifin
latifah@bh.com.my

Kuala Lumpur: Kementerian Kesihatan (KKM) menubuhkan sebuah Pasukan Petugas Khas Bebas bagi menyiasat kes kematian seorang pakar patologi di Lahad Datu, Sabah serta insiden buli membabitkan fasiliti di bawah kementerian itu.

Menterinya, Datuk Seri Dr Dzulkefly Ahmad, berkata penubuhan pasukan terbabit yang akan berkuat kuasa 10 Oktober ini, adalah selari pendirian tegas KKM yang tidak bertolak ansur terhadap sebarang perlakuan buli di tempat kerja.

"Pasukan Petugas Khas Bebas ini berperanan melaksanakan siasatan dan menganalisis input daripada siasatan insiden kematian pakar patologi kimia di Lahad Datu secara khusus serta meneliti budaya kerja di Hospital Lahad Datu.

"Selain itu, ia bertujuan mengenal pasti dan mengesahkan sama ada wujud perlakuan buli di Hospital Lahad Datu secara umum dan Jabatan Patologi hospital itu secara khusus.

"Ketiga bagi mengenal pasti jenis perlakuan buli yang cenderung berlaku di KKM serta faktor dalaman dan luaran yang menyumbang kepada perlakuan terbabit," katanya dalam satu ke-

nyataan semalam.

Sebelum ini tular satu hantaran di Facebook mengenai kematian pakar patologi, Dr Tay Tien Yaa, di kediamannya di Lahad Datu, Sabah.

Pada 29 Ogos lalu, doktor terbabit didakwa mengambil tindakan bunuh diri berikutan tidak tahan dibuli ketua jabatannya.

Dakwaan itu dibuat adik mangsa, dikenali sebagai YS Tay, yang mendakwa kakaknya yang berkhidmat di Hospital Lahad Datu, Sabah, ditindas ketua jabatan, selain menghadapi tekanan sepanjang bertugas di unitnya akibat beban kerja melampau.

Dr Dzulkefly berkata, melalui pasukan petugas khas, satu laporan hasil siasatan berkaitan insiden kematian terbabit bersama cadangan penambahbaikan bagi mencegah dan menangani perlakuan buli di semua fasiliti kesihatan akan dikemukakan dalam masa tiga bulan dari tarikh penubuhan.

Turut dianggotai 5 ahli bebas

Katanya, pasukan itu dipengerusikan bekas Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam, Tan Sri Borhan Dollah yang pernah menyandang pelbagai jawatan utama dalam perkhidmatan awam.

"Ia turut dianggotai lima ahli bebas bukan anggota KKM yang berpengetahuan dan mempunyai kepakaran dalam bidang perubatan, psikiatri, patologi serta kesihatan mental dan perlakuan buli.

"Seorang ahlinya adalah mantan Ketua Setiausaha Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI), Prof Datuk Ts Dr Siti Hamisah Tapsir dan mantan Timbalan Ketua Pengarah Kesihatan (Perubatan) yang berkhidmat dengan KKM selama 35 tahun, Datuk Dr Azman Abu Bakar.

"Turut dilantik, pesara per-

● Ia juga bertujuan mengenal pasti dan mengesahkan sama ada wujud perlakuan buli di Hospital Lahad Datu secara umum dan Jabatan Patologi hospital itu secara khusus

Dr Dzulkefly Ahmad, Menteri Kesihatan



khidmatan awam dalam profesion Pegawai Kehakiman dan Penasihat Undang-Undang di pelbagai kementerian, Datuk Mohamad Fazin Mahmud," katanya.

Dua lagi ahli yang dilantik menganggotai pasukan itu adalah profesor ulung pertama di Malaysia dalam bidang patologi, Prof Ulung Datuk Dr Looi Lai Meng dan Pakar Perunding Kanan (Psikiatri) di Jabatan Psikiatri, Fakulti Perubatan, Universiti Kebangsaan Malaysia, Prof Dr Chan Lai Fong.

Dr Dzulkefly menegaskan, KKM komited untuk memperbaiki persekitaran kerja supaya lebih harmoni dan kondusif.

"KKM yakin usaha ini akan membuahkan hasil dan mendapat kerjasama daripada semua warga KKM selaras dengan visi untuk menyediakan perkhidmatan kesihatan terbaik untuk Malaysia MADANI," katanya.



KKM memandang serius kes kematian pakar patologi yang bertugas di Hospital Lahad Datu.

AKHBAR : BERITA HARIAN
MUKA SURAT : 9
RUANGAN : NASIONAL

Didik remaja bahaya rokok, vape

Semua pihak perlu pikul tanggungjawab bersama lahir generasi sihat

Oleh Mohd Nasaruddin Parzi
bhnews@bh.com.my

Kuala Lumpur: Keberkesanan penguatkuasaan Akta Kawalan Produk Merokok Demi Kesihatan Awam 2024 bergantung kepada kefahaman semua kelompok masyarakat bahaya merokok dan penggunaan rokok elektronik.

Pakar perubatan kesihatan awam Universiti Putra Malaysia (UPM), Dr Malina Osman, berkata tanggungjawab mendidik remaja mengenai bahaya merokok perlu dipikul sama rata khususnya dalam melahirkan generasi yang lebih sihat.

"Kita perlu menghentikan tumpuan 'berat sebelah' yang hanya meletakkan tanggungjawab pada ibu bapa atau sekolah untuk mendidik anak remaja atau hanya mengharap kerajaan melaksanakan undang-undang untuk mencegah masalah ketagihan.

"Mereka yang mempunyai imej dipandang tinggi terutama warga emas, golongan dilihat mempunyai imej tokoh masyarakat atau agamawan, mereka yang memiliki status sosial seperti mempengaruhi media sosial, antara kumpulan sangat relevan dalam memainkan peranan memberikan contoh terbaik untuk diikuti remaja," katanya dihubungi semalam.

Beliau berpendapat, antara petunjuk penting ke arah keberkesanan penguatkuasaan akta berkenaan keterlihatan individu yang secara sukarela menunjukkan komitmen menyokong pelaksanaan akta ini.

"Ini dapat dicerap (diukur menerusi) penyertaan mereka dalam aktiviti memberikan advokasi sama ada melalui perkongsian maklumat atau teladan yang ditunjukkan.

"Saya kekal berpendapat selagi dalam masyarakat wujud golongan tegar yang kekal merokok, vaping di tempat awam dan di depan keluarga, selagi itu masyarakat kita masih belum bersedia menerima pelaksanaan akta ini sepenuhnya," katanya.

Kerjasama sekolah, KKM

Sementara itu, Kongres Kesatuan Guru-guru Dalam Perkhidmatan Pelajaran Malaysia (Kongres) mencadangkan pentadbiran sekolah bekerjasama Kementerian Kesihatan (KKM) untuk melaksanakan ujian air kencing secara berkala, bagi membendung pengambilan rokok elektronik (e-rokok) dan vape dalam kalangan pelajar.

Setiausaha Agungnya, Mohd Azizee Hasan, berkata sekolah sebagai zon larangan merokok juga perlu terus dikuat kuasa dengan peraturan yang lebih ketat.

"Pemeriksaan kerap dan pemantauan berterusan dilakukan dari pihak sekolah ke atas murid.

"Guru dan murid juga diberikan pengetahuan terkait Akta Kawalan Produk Merokok Demi Kesihatan Awam 2024 yang sudah mula dikuat kuasa minggu ini serta kesannya kepada ketagihan rokok elektronik," katanya.

KANDUNGAN DAN KESAN ROKOK ELEKTRONIK ATAU VAPE KEPADA KESIHATAN

NIKOTIN

- Nikotin lebih 2 miligram (mg) boleh memberi gangguan pada perut dan usus.
- Kesan pengambilan dos tinggi boleh mengakibatkan sawan, kegagahan, pembekuan darah, mengganggu proses perkembangan bayi dalam kandungan.

BAHAN PERISA

- Cecair rokok elektronik yang mengandungi pelbagai bahan perisa menunjukkan paras cytotoxicity yang tinggi.
- Ia mampu membunuh sel seperti sel paru-paru, otot dan lapisan kulit.

GLISERIN SAYURAN (VG)

- Bahan produk dari sayuran yang digunakan dalam sabun, krim muka.
- Penggunaan berpanjangan mengakibatkan kerosakan organ dalaman.

PARTIKEL HALUS

- Penyebaran partikel bergantung pada paras nikotin didalam cecair rokok elektronik.
- Seperti rokok konvensional, partikel daripada rokok elektronik cukup halus untuk menembusi ke dalam paru-paru dan seterusnya memasuki sistem peredaran darah.
- Saiz partikel antara 20-300 nanometer.

PROPILINA GLIKOL (PG)

- Apabila dipanaskan ia menghasilkan bahan membebaskan formaldehide.
- Formaldehide sejenis bahan yang boleh menyebabkan kanser
- Kesan jangka pendek penggunaannya adalah kepada mata, tekak dan saluran pernafasan, sementara jangka panjang boleh mengakibatkan asma.

LOGAM BERAT

- Tindak balas cecair rokok elektronik yang terendam di dalam gelungan dawai di dalam bahagian atomizer (alat pemanas).

SUMBER: KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA (KKM)

Infografik III

SAYS lancar kempen kesedaran kanser payudara

Kuala Lumpur: Syarikat media digital, SAYS melancarkan kempen kesedaran kanser payudara. The Pink Ribbon dalam usaha menambah pengetahuan dan menyebarkan maklumat serta pemahaman masyarakat mengenai kanser payudara.

Kempen sempena Bulan Kesedaran Kanser Payudara itu bertujuan meningkatkan kesedaran mengenai barah payudara melalui kisah survivor yang menginspirasi, temu bual pakar dan pelbagai kandungan video yang menarik.

Kempen yang berlangsung 1 hingga 31 Oktober itu juga akan menyediakan pandangan pakar perubatan terkemuka, menawarkan maklumat mengenai pemeriksaan payudara sendiri, pilihan rawatan dan sistem so-

kongan untuk individu serta keluarga yang terkesan akibat kanser payudara.

Menurut Pendaftaran Kanser Kebangsaan, kira-kira satu daripada 19 wanita di Malaysia akan menghidap barah payudara dalam hidup mereka. Kanser payudara kekal sebagai kanser paling lazim dalam kalangan wanita di Malaysia.

Setiap tahun, lebih 8,000 kes baharu kanser payudara didiagnos, mewakili kira-kira 35 peratus daripada semua barah yang menjejaskan wanita Malaysia.

Pengesanan awal ialah kunci meningkatkan kadar kelangsungan hidup, iaitu kajian menunjukkan barah payudara yang di-kesan pada peringkat awal mempunyai kadar kelangsung-

ngan hidup 90 peratus.

Perbincangan terbuka

Ketua Kandungan SAYS, Gowri Chitra Marti, berkata sepanjang Oktober, The Pink Ribbon akan menampilkan siri artikel, video, dan temu bual mengenai perkongsian perjalanan peribadi kanser payudara serta cabaran dihadapi, penjelasan mengenai barah payudara, sumber bantuan kewangan, dan saringan pengesanan awal.

Beliau berkata, menerusi kerjasama dengan Majlis Kanser Nasional (MAKNA), Persatuan



Gowri Chitra Marti

Kebajikan Kanser Payudara Malaysia (BCWA), Pusat Perubatan Sunway (Sunway City), Pusat Kanser Sunway dan Hospital Pantai Kuala Lumpur, The Pink Ribbon bermatlamat, menyediakan pusat sumber menyeluruh bagi masyarakat.

"Terdapat banyak salah tanggapan dan pantang larang berkaitan kanser payudara, terutama di Malaysia. Justeru, menerusi perbincangan secara terbuka dan jelas, kempen ini diharap dapat merapatkan jurang dan menunjukkan kepada wanita serta lelaki, penyakit ini bukan sesuatu yang

harus disembunyikan atau dipandang rendah.

"Melalui kempen The Pink Ribbon, kami juga berharap untuk berkongsi kisah yang memberi inspirasi, maklumat, dan kuasa kepada orang ramai. Kanser payudara isu yang menjejaskan banyak kehidupan.

"Dengan bekerjasama dengan hospital dan NGO, kami membawa sumber penting ke hadapan, dan matlamat kami untuk menggalakkan perbincangan mengenai pengesanan awal serta sokongan untuk mereka yang memerlukan," katanya.

Untuk mendapatkan kandungan terkini, termasuk akses kepada rangkaian sokongan barah payudara dan sumber pendidikan, layari says.com/the-pinkribbon.

AKHBAR : HARIAN METRO
MUKA SURAT : 3
RUANGAN : LOKAL

Suntikan Zolgensma henti perkembangan penyakit

Kuala Lumpur: Satu dos Onasemnogene abeparvovec atau Zolgensma dapat menghentikan perkembangan penyakit Spinal Muscular Atrophy (SMA), tetapi ia bukan penawar dan tidak boleh memperbaiki kerosakan disebabkan oleh gen SMA sebelum rawatan.

Ketua Unit Neurologi Jabatan Perubatan Hospital Al-Sultan Abdullah Universiti Teknologi Mara (UiTM) Puncak Alam, Prof Madya Dr Shalini Bhaskar berkata, Zolgensma juga tidak berubah atau menjadi sebahagian daripada asid deoksiribonukleik (DNA) kanak-kanak yang mengambil ubat berkenaan.

Menurutnya, Zolgensma ialah suntikan sekali saja yang menggantikan gen Survival Motor Neuron 1 (SMN1) yang rosak dengan gen normal SMN1 yang mana ia adalah vektor virus berkaitan adeno rekombinan yang mengandungi pengekodan DNA pelengkap normal protein SMN 1.

"Zolgensma ialah terapi gen untuk kanak-kanak berusia kurang daripada dua tahun yang mempunyai penyakit SMA Type 1.

"Rawatan ini untuk meningkatkan pergerakan otot, fungsi dan kelangsungan hidup," katanya.

Mengulas lanjut, beliau berkata, SMA adalah sekumpulan penyakit keturunan yang menjejaskan sel motor neuron iaitu sel saraf khusus dalam otak dan saraf tunjang yang mengawal pergerakan.

"Pesakit SMA mengalami degenerasi sel motor neuron

“**Rawatan ini meningkatkan pergerakan otot, fungsi dan kelangsungan hidup**
Dr Shalini

"Ujian ini mengenal pasti sekurang-kurangnya 95 peratus SMA Type 1, 2 dan 3 serta mungkin mendedahkan sama ada seseorang adalah pembawa untuk penyakit berkenaan," katanya. Dr Shalini berkata, lima jenis penyakit SMA adalah dikelaskan berdasarkan usia dan gejala (keadaan) pesakit iaitu SMA Type 0 pada usia sebelum lahir (dalam kandungan) yang mengurangkan janin, kelemahan teruk dan kesukaran bernafas serta makan dengan jangka hayat kurang daripada lima bulan.

Bagi SMA Type 1, usianya sebelum enam bulan dengan gejala kelemahan otot, ketidakupayaan untuk memegang kepala dan duduk tegak, kesukaran menghisap, menelan dan bernafas dengan jangka hayat dianggarkan kurang dari-



PESAKIT SMA menghargai keprihatinan rakyat Malaysia.

yang mengakibatkan kelemahan otot berterusan sehingga menjadi atrofi (kecut).

"Kebanyakan kes SMA berlaku apabila gen yang rosak diwarisi daripada ibu bapa.

"Ia adalah gangguan resesif autosomal, bermakna seseorang memerlukan dua gen bermutasi, satu daripada setiap ibu bapa untuk mempunyai SMA. Orang yang hanya mempunyai satu gen yang rosak adalah pembawa dan tidak menunjukkan sebarang gejala," katanya.

Katanya, pesakit akan menjalani ujian genetik untuk mengesan mutasi dalam gen SMN1 dan pesakit SMA juga mempunyai protein SMN1 rendah yang menyebabkan otot menjadi lemah dan berlaku penyusutan otot.

"Pesakit SMA mengalami degenerasi sel motor neuron

Pesakit SMA mengalami degenerasi sel motor neuron yang mengakibatkan kelemahan otot berterusan.

pada setahun.

"SMA Type 2 (usia enam hingga 18 bulan) memerlukan bantuan untuk duduk tetapi boleh duduk tegak kelemahan otot yang progresif dengan menggerakkan tangan, tidak boleh berdiri atau berjalan, mempunyai scoliosis tulang belakang dan masalah pernafasan.

"Jangka hayat untuk jenis ini pula, majoriti pesakit iaitu 70 peratus masih hidup pada usia 25 tahun. Untuk SMA Type 3 ia berlaku antara zaman kanak-kanak dan remaja di mana gejalanya progresif kesukaran berjalan dan aktiviti fizikal, perlu menggunakan kerusi roda ketika dewasa dan fungsi pernafasan normal.

"SMA Type 4 (berlaku) pada usia dewasa dengan kelemahan dan keletihan ringan hingga sederhana serta fungsi pernafasan normal. Jangka hayat untuk jenis 3 dan 4 adalah normal," katanya.

Menurutnya, Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) meluluskan Zolgensma untuk rawatan penyakit SMA sejak Januari 2021 yang mana anggaran kos untuk satu dos ubat itu adalah AS \$2,125,000 (RM9.3 juta).

"Dengan saiz pasaran yang terhad dan potensinya untuk menyelamatkan nyawa menyumbang kepada harga Zolgensma yang tinggi.

"Zolgensma dikeluarkan oleh syarikat farmaseutikal Novartis dari Switzerland dan boleh diimport dari Amerika Syarikat mengikut cadangan doktor dan kelulusan kerajaan," katanya.



NAAH masih memakai tmb pada hidung.



AKHBAR : HARIAN METRO
MUKA SURAT : 5
RUANGAN : LOKAL

Bernama

Kuala Lumpur

Kanak-kanak yang disiksa dengan dipijak dan ditekan dada, dipicit hidung hingga sukar bernafas serta dirotan bertalu-talu menjadi saksi bisu terhadap penganiayaan yang berlaku di rumah perlindungan amal yang dikaitkan dengan kumpulan GISB Holdings (GISBH).

Lebih keji dan menjijikkan, ada antara 572 mangsa yang diselamatkan dalam Op Global susulan pembongkaran skandal GISBH termasuk kanak-kanak dan remaja, diliwat sejak usia muda serta dinafikan hak untuk mendapatkan pendidikan, mencorak masa depan mereka dengan bayangan gelap.

Mengulas kes itu, Pakar Psikologi Kanak-kanak Dr Noor Aishah Rosli berkata, pengalaman traumatik berpanjangan sejak usia mentah meningkatkan risiko masalah kesihatan mental termasuk Gangguan Tekanan Selepas Trauma (PTSD) bagi kanak-kanak yang diselamatkan.

Pengaruh Urusan klinik psikologi CPC Inter-

Tingkat risiko masalah mental

Kanak-kanak diselamatkan di rumah amal GISBH berdepan kesan trauma berpanjangan

national itu ketika ditemui turut menjelaskan tindakan mengasingkan kanak-kanak itu dari 'dunia luar' sejak kecil, ditambah dengan penderaan fizikal serta seksual, memburukkan lagi keadaan dan dikhuatiri merencatkan perkembangan otak mereka.

"Situasi ini berpotensi menyebabkan gangguan perkembangan kognitif, menghalang pembentukan kemahiran hidup dan sosial sehingga anak-anak ini tiada keupayaan untuk berfikir secara kritikal dan menyelesaikan masalah.

"Difahamkan, mereka juga tidak mengeta-

hui kisah hidup sendiri kerana dipisahkan daripada nasab sejak kecil, seolah-olah tiada salasilah keluarga. Hal ini boleh membawa kepada kesan langsung lain seperti kemurungan, kerisauan, hilang keyakinan dan rendah diri malah berhadapan kekeliruan identiti serta kepercayaan beragama,"

**“
Situasi ini berpotensi sebabkan gangguan perkembangan kognitif
Dr Noor Aishah**

katanya. Situasi itu, katanya amat menyedihkan dan usaha menyelamatkan anak-anak terbabit perlu dilakukan secara menyeluruh dengan membabitkan bukan sahaja pakar psikologi, tetapi juga pakar perubatan, kaunselor dan agamawan kerana aspek

akidah mereka juga harus dipertimbangkan.

"Bantuan profesional adalah kunci dalam 'melahirkan semula' anak-anak yang telah sekian lama 'terasing' dari kehidupan dunia nyata," katanya.

Sementara itu, Dr Rahima Dahlan @ Mohd Shafie berkata, proses pemulihan kanak-kanak terabit memerlukan usaha berterusan serta pendekatan teliti dan konsisten dengan sokongan semua pihak termasuk anggota masyarakat.

Pakar Perunding Psikiatri Kanak-kanak dan Remaja Hospital Sultan Abdul Aziz Shah Universiti Putra Malaysia itu berkata, proses berkenaan mungkin mengambil masa bertahun-tahun bergantung kepada tahap trauma dialami setiap mangsa.



TINDAKAN mengasingkan kanak-kanak dari 'dunia luar' sejak kecil ditambah dengan penderaan fizikal serta seksual, memburukkan lagi keadaan dan dikhuatiri merencatkan perkembangan otak mereka.

AKHBAR : HARIAN METRO
MUKA SURAT : 8
RUANGAN : LOKAL

40,000 penjawat awam berisiko alami isu kesihatan psikologi

Kuching: Lebih 40,000 penjawat awam di negara ini berisiko tinggi mengalami isu kesihatan psikologi yang memerlukan intervensi segera bagi mengelakkan daripada menghadapi kecelaruan mental.

Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam Tan Sri Wan Ahmad Dahlan Abdul Aziz berkata, hal itu berdasarkan kajian dibuat melalui Sistem Profiling Digital Kesihatan Psikologi Pegawai Perkhidmatan Awam (MyPsyD) yang diwujudkan sejak 1 Mac lalu sebagai antara inisia-

tif terkini kerajaan meningkatkan program pencegahan tingkah laku berisiko.

"Ia (kajian) membabitkan hampir satu juta penjawat awam yang berjaya melengkapkan profil MyPsyD itu," katanya pada Majlis Peluncuran Persidangan Antarabangsa Kesejahteraan Psikologi 2024 (ICOPW2024) di sini, kelmarin.

Wan Ahmad Dahlan berkata, profil MyPsyD ini penting kerana ia bertindak sebagai indikator individu dan organisasi supaya lebih cakna dalam

merangka strategi melalui pembangunan sendiri, pencegahan dan intervensi bagi melestarikan kesejahteraan pegawai awam dan kekal berhemah dalam memberikan perkhidmatan.

Selain itu katanya, keputusan kajian Indeks Kesejahteraan Psikologi Malaysia (IKPM) yang dijalankan dalam perkhidmatan awam menunjukkan kesejahteraan psikologi penjawat awam masih

pada tahap sederhana.

Wan Ahmad Dahlan berkata, keutamaan terhadap kesihatan mental menjadi agenda kerajaan dalam memastikan mental dan fizikal sihat, seterusnya menyokong kepada peningkatan produktiviti penjawat awam ke tahap optimum.

Beliau berkata, hal ini seiring hasrat Ketua Setiausaha Negara Tan Sri Shamsul Azri Abu Bakar untuk mewu-

judkan Garis Panduan Pembudayaan Keseronokan Bekerja Perkhidmatan Awam selaras Budaya Keseronokan Bekerja sebagai Strategi Keberhasilan Reformasi 4 (SKR4) dalam Agenda Reformasi Perkhidmatan Awam 2024-2030.

"Keseronokan di tempat kerja membantu pekerja melakukan tugas mereka dengan cekap seterusnya meningkatkan prestasi organisasi," katanya.

Beliau berkata ICO-PW2024 di harap dapat menjadi platform terbaik bagi penjawat awam dan

rakyat dalam menyokong agenda Rancangan Malaysia Ke-12, Rukun Madani dan Ekonomi Madani untuk membina kesejahteraan serta mencapai Matlamat Pembangunan Mampan 3: Kesihatan dan Kesejahteraan Baik.

"Persidangan ini dapat membentuk landskap kesihatan mental lebih baik, bahkan di harap dapat memberi sumbangan signifikan ke arah melahirkan penjawat awam cemerlang, prihatin dan seimbang daripada aspek psikologi dan spiritual," katanya. -Bernama

Hampir satu juta penjawat awam melengkapkan profil MyPsyD sejak 1 Mac lalu

AKHBAR : SINAR HARIAN
MUKA SURAT : 5
RUANGAN : NASIONAL

Pasukan khas siasat kes kematian pakar patologi

SHAH ALAM - Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) menubuhkan pasukan petugas khas bebas bagi menyiasat insiden kes kematian pakar perubatan patologi dari Hospital Lahad Datu, Sabah yang didakwa akibat dibuli di tempat kerja.

Menteri Kesihatan, Datuk Seri Dr Dzulkefly Ahmad berkata, pasukan petugas khas yang dianggotai lima ahli bebas itu akan berkuat kuasa pada 10 Oktober 2024.

Menurut beliau, kesemua ahlinya bukan anggota KKM namun mempunyai pengetahuan dan kepakaran dalam pel-



DR DZULKEFLY

Azman Abu Bakar.

"Selain itu, ahli lain ialah Ahli Lembaga Pihak Berkuasa Peranti Perubatan, Datuk Mohamad Fazin Mahmud; Perunding kanan

bagai bidang seperti perubatan, psikiatri, patologi, kesihatan mental serta perlakuan buli.

"Pasukan petugas khas ini akan dipengerusikan oleh bekas Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam, Tan Sri Borhan Dollah. Manakala ahli lain adalah mantan Ketua Setiausaha Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI), Profesor Datuk Dr Siti Hamisah Tapsir dan bekas Timbalan Ketua Pengarah Kesihatan (Perubatan), Datuk Dr

di Pusat Perubatan Universiti Malaya (PPUM), Datuk Profesor Dr Looi Lai Meng dan Pakar Perunding Kanan (Psikiatri) di jabatan Psikiatri Fakulti Perubatan Universiti Kebangsaan Malaysia, Profesor Dr Chan Lai Fong," katanya dalam kenyataan.

Sebelum itu, tular satu muat naik di Facebook memaklumkan seorang doktor yang ditemui mati di kediamannya di Lahad Datu, Sabah pada 29 Ogos lalu didakwa disebabkan tindakan bunuh diri, berikutan tidak tahan dibuli ketua jabatannya.

Perkara itu didedahkan adik mangsa, dikenali sebagai YS Tay yang mendakwa kakaknya, Tien Yaa, ditindas oleh ketua jabatan selain menghadapi tekanan sepanjang bertugas di unitnya akibat beban kerja melampau.

AKHBAR : UTUSAN MALAYSIA
MUKA SURAT : 7
RUANGAN : DALAM NEGERI

Lagi kes doktor pelatih dakwa dibuli senior

Oleh MAISARAH SHEIKH RAHIM
maisarah.rahim@mediamula.com.my

PUTRAJAYA: Sekumpulan doktor pelatih di sebuah hospital daerah di utara Semenanjung mendakwa menjadi mangsa buli dengan bebanan kerja melampau.

Doktor pelatih berkenaan yang mahu dikenali sebagai Dr. A memberitahu, mereka dipaksa bekerja melebihi waktu kerja sepatutnya dan pernah bertugas sehingga 24 jam sehari, tidak termasuk dipanggil bekerja (on call) tanpa mengira waktu.

Katanya, keadaan itu berlaku kerana hospital terbabit kekurangan kritikal pegawai pe-

rubatan yang terpaksa diambil tugas kumpulan doktor pelatih walaupun masih dalam tempoh latihan perubatan.

"Saya pernah jatuh sakit dan terpaksa menjalani rawatan di wad, dan perlu mengambil cuti sakit.

"Disebabkan mengambil cuti sakit, kita dipaksa mencari pengganti dan sebagai 'denda' tempoh latihan housemanship dilanjutkan selama mana tempoh cuti sakit itu," katanya di sini semalam.

Beliau berkata, mereka sering dimaki hamun oleh pegawai perubatan senior termasuk jururawat jika ada kes pesakit yang

di luar kuasa doktor pelatih.

Katanya, doktor pelatih mempunyai hak kelayakan cuti tahunan sebanyak lapan hari dalam tempoh empat bulan (satu pusingan kerja) dan layak untuk mendapat cuti ganti jika bekerja pada hari cuti umum, tetapi mereka amat sukar untuk mendapat kelulusan cuti.

"Saya seorang yang sangat berani dan aktif, tetapi selepas menjadi doktor pelatih, karakter saya berubah menjadi penakut untuk bersuara dan mengalami tekanan sehingga ada perasaan ingin membunuh diri.

"Saya pernah menangis banyak kali kerana tidak tahan di-

maki dengan perkataan yang tidak sepatutnya jika ada kes pesakit meninggal ketika masa kita bertugas," katanya.

Menurut beliau, ada dalam kalangan doktor pelatih di hospital itu membuat keputusan drastik untuk berhenti daripada menjalani latihan housemanship walaupun tindakan itu boleh menjejaskan kelayakan mereka untuk bergelar doktor.

"Kumpulan saya ramai berhenti kerana tidak tahan dengan tekanan dan persekitaran kerja yang toksik.

"Kami pernah buat aduan, namun isu ini seolah ditinggalkan," katanya.

Pasukan khas siasat kes pakar patologi bunuh diri

PETALING JAYA: Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) menubuhkan pasukan petugas khas bagi menyiasat punca insiden kematian Pakar Perubatan Patologi, Dr. Tay Tien Yaa di Lahad Datu, berkuatkuasa 10 Oktober ini.

Menterinya, Datuk Seri Dr. Dzulkefly Ahmad berkata, penubuhan pasukan petugas khas itu selaras dengan pendirian tegas KKM dan tidak bertolak ansur terhadap perlakuan buli di tempat kerja.

Katanya, pasukan petugas khas itu akan dipengerusikan oleh bekas Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam (KPPA), Tan Sri Borhan Dollah, yang berpengalaman menyandang pelbagai jawatan utama dalam perkhidmatan awam dengan dianggotai lima ahli bebas bukan anggota KKM.

"Kelima-lima mereka berpengetahuan dan mempunyai kepakaran dalam seperti bidang perubatan, psikiatri, patologi serta kesihatan mental dan perlakuan buli," katanya dalam kenyataan semalam.

Kelima-lima anggota pasukan petugas khas itu adalah bekas Ketua Setiausaha Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI), Profesor Datuk Dr. Siti Hamisah Tapsir yang pernah memegang jawatan Ketua Pengarah Pendidikan Tinggi dan kini menjawat jawatan Naib Canselor UCSI serta Ketua Pegawai Eksekutif UCSI selepas 33 tahun berkhidmat sebagai penjawat awam.

Anggota kedua adalah bekas Timbalan Ketua Pengarah Kesihatan (Perubatan), Datuk Dr. Azman Abu Bakar yang telah berkhidmat dengan KKM selama 35 tahun. Beliau juga pernah menjadi Pakar Perunding, Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO) bagi skop penyelidikan sistem kesihatan dan kualiti perkhidmatan kesihatan. Terkini beliau merupakan Ahli Suruhanjaya Perkhidmatan Awam (SPA).

AKHBAR : NEW STRAITS TIMES
MUKA SURAT : 10
RUANGAN : NEWS / NATION

Awards honour Malaysia's pharmaceutical leaders

PETALING JAYA: The inaugural Pharma Industry Awards 2024 was held in conjunction with the Regulatory Plus Conference 2024 at One World Hotel, here, on Sept 19.

It celebrated the leaders of Malaysia's pharmaceutical manufacturing industry and recognised the performance of Malaysian pharmaceutical companies in providing quality and affordable medicines to the nation's citizens.

The awards were presented by Health Ministry deputy director-general (Pharmaceutical Services) Norhaliza A. Halim and Malaysia Productivity Corporation (MPC) director-general Zahid Ismail.

The awards emphasised the vital role of Malaysian manufacturers in ensuring the security of the country's healthcare system, reducing dependency on imported medicines and safeguarding against global supply chain disruptions.

By championing Malaysian production, the industry contributes to the sustainability and affordability of medicines for Malaysians.

"Winning the Export Award in the sub-category for companies with export revenue exceeding RM50 million is a testament to the dedication of our team at Xepa-Soul Pattinson. It highlights our commitment to expanding Malaysia's footprint in the global market while

providing quality, affordable medicines," said Champion of the Pharmaceutical Productivity Nexus and Xepa-Soul Pattinson Sdn Bhd executive director Ch'ng Kien Peng.

Kotra Pharma (M) Sdn Bhd managing director Jimmy Piong said: "At Kotra Pharma, we take pride in serving the Malaysian market with reliable and affordable pharmaceutical products. Being recognised for our Malaysian revenue achievement motivates us to continue our mission."

The company won the Local Revenue Award for companies with local revenue exceeding RM100 million.

Also showcased were the achievements of Hovid Bhd, Kotra Pharma, Ain Medicare Sdn Bhd, and Xepa-Soul Pattinson in both Malaysian revenue growth and export expansion.

SM Pharmaceuticals Sdn Bhd and Novugen Pharma Sdn Bhd were lauded for their research and development (R&D) investments.

"Our commitment to R&D is driven by our mission to bring affordable, high-quality medicines to the market. Receiving the R&D Award for companies with R&D investments exceeding RM100 million reflects our dedication to innovation and continuous improvement, en-



The Pharma Industry Awards 2024 celebrates excellence among top manufacturers. PIC COURTESY OF THE MALAYSIA PRODUCTIVITY CORPORATION

suring early access to complex treatments that lack robust generic alternatives," said Novugen Pharma chief executive officer Rahil Mahmood.

Tiger Balm Sdn Bhd and Duopharma Biotech Bhd were commended for their investments in expanding manufacturing capabilities to meet the demand for high-quality medicines in Malaysian and international markets.

"At Duopharma Biotech, we strive to enhance our efficiency and output, which is why this recognition of

our revenue per employee in 2023 is so meaningful to us," stated Duopharma Biotech chief executive officer (Commercial) Wan Amir-Jeffery Wan Abdul Majid upon receiving the Second Runners-up position for the Productivity Award.

Tiger Balm, THP Medical Sdn Bhd, Duopharma Biotech, Xepa-Soul Pattinson and Ranbaxy Malaysia Sdn Bhd were recognised for their dedication to operational efficiency and productivity improvements.

The Highest Productivity Award,

presented by Zahid, focused on revenue per employee in the over-the-counter and pharmaceutical product category, showcasing companies that effectively optimised their workforce while delivering strong financial performance.

In closing, Malaysian Organisation of Pharmaceutical Industries executive director Billy Urudra commended industry leaders for their achievements and said they motivated the growth and success of the Malaysian pharmaceutical manufacturing industry.

AKHBAR : THE STAR
MUKA SURAT : 9
RUANGAN : NATION

THE STAR, THURSDAY 3 OCTOBER 2024

Nation 9

Task force to probe death of pathology specialist

PETALING JAYA: An independent special task force has been set up to investigate the death of a pathology specialist in Lahad Datu, says Datuk Seri Dr Dzulkefly Ahmad.

The Health Minister said the task force, which takes effect from Oct 10, will be chaired by former Public Service Department director-general Tan Sri Borhan Dollah.

Dzulkefly said the task force is responsible for conducting an investigation and analysing input from the investigation into the death of the chemical pathology specialist in Lahad Datu, as well

as examining the work culture at the Lahad Datu Hospital.

Borhan, he added, has extensive experience holding various key positions in public service, with his last position being the Director General of Public Services.

Dr Tay Tien Yaa, a pathology specialist at Hospital Lahad Datu, was found dead in her rental unit on Aug 29, following allegations of workplace bullying.

She was the head of the hospital's Chemical Pathology Unit and lived alone in her rental accommodation.

On Tuesday, her brother, Tay Yong Shen, 31, said the family had

discovered evidence in her WhatsApp conversations of her workload and how she was treated.

Besides Borhan, other members on the task force are Prof Datuk Dr Siti Hamisah Tapsir, Datuk Dr Azman Abu Bakar, Datuk Mohamad Fazin Mahmud, Datuk Prof Dr Looi Lai Meng, and Prof Dr Chan Lai Fong.

"The special task force will consist of five independent members not from the Health Ministry who are knowledgeable and have expertise in areas such as medicine, psychiatry, pathology, mental health, and bullying behaviour.

"The task force will also be responsible for identifying and confirming whether bullying exists at the Lahad Datu Hospital, specifically, in the Pathology Department, identify the types of bullying that tend to occur within the Health Ministry, and the internal and external factors that contribute to such behaviour," said Dzulkefly.

The task force will also prepare a report on the findings of the investigation along with recommendations for improvements to prevent and address bullying behaviour at healthcare facilities within three months.

Siti Hamisah is the former secretary-general of the Science, Technology and Innovation Ministry, Dr Azman is the former Health (Medicine) deputy director-general, while Fazin had served as legal advisor for the Health Ministry.

Prof Looi is the first distinguished Professor in Malaysia in the field of pathology and currently holds the position of senior consultant at the Universiti Malaya Medical Centre, while Prof Chan is senior consultant specialist at the Department of Psychiatry, Faculty of Medicine, Universiti Kebangsaan Malaysia.

AKHBAR : THE STAR
MUKA SURAT : 13
RUANGAN : VIEWS

Views 13

THE STAR, THURSDAY 3 OCTOBER 2024

YOUR OPINION

EMAIL: editor@thestar.com.my or
MAIL: The Editor, Menara Star, 15, Jalan
16/11, Section 16, 46350 Petaling Jaya.
Letters must carry the sender's full name,
address and telephone number.
A pseudonym may be included.

Action plan on dementia launched

INTERNATIONAL Day of Older Persons, which is observed annually on Oct 1, was special this year because we witnessed the launch of the much-awaited National Dementia Action Plan (NDAP) alongside the National Action Plan for Health Services for Older Persons.

The NDAP was conceived in 2019 during the Alzheimer's Disease International Asia Pacific Regional Conference held in Kuala Lumpur.

The event was hosted by the Alzheimer's Disease Foundation of Malaysia and supported by dementia experts from the Health Ministry. The plan was needed to fulfil our commitment to the World Health Organisation's Global Dementia

Action Plan, which stipulates that each member country should have a national action plan by 2025.

The Alzheimer's Disease Foundation Malaysia, Gerontological Association of Malaysia, Malaysian Healthy Ageing Society, and Malaysian Society of Geriatric Medicine would like to congratulate the Health Ministry on the successful development of the NDAP as well as its timely launch.

The National Health and Morbidity Survey for Older Persons 2018 found that 8.5%, or 220,000, Malaysian residents aged 60 years and above were living with dementia. Six years on, this number would have exceeded 300,000 with our 2020

national census revealing 3.75 million people aged 60 years and above.

The NDAP emphasises the need to empower healthy and active communities, and strengthen sustainable health and social support, research, innovation, information sharing, monitoring and evaluation.

Within the landscape of a rapidly ageing population, Malaysia is embarking on this journey having not yet achieved high income status, unlike other countries that have taken this path.

It is therefore important that all available resources are garnered to ensure the successful implementation of the plan.

We are optimistic that an allo-

cation will be made in Budget 2025 to ensure the implementation of the NDAP.

In order to deliver the plan, collaborative efforts between multiple ministries and non-governmental agencies will be required. We hope all the relevant stakeholders are adequately empowered and will receive the support required from government agencies to ensure that the plan's contents are disseminated as widely as possible.

Subsequently, the commercial, non-governmental and academic sectors as well as the public sector should be mobilised through various initiatives to put into action the contents of the NDAP.

While the task ahead appears potentially daunting and insur-

mountable, we do know that we have little choice but to get started. We also know that Malaysia is a highly resourceful nation, and her people are known to be caring and helpful.

Through collaboration and resource sharing, powered by the necessary official backing, we will meet the needs of individuals living with dementia in our country.

PROF TAN MAW PIN on behalf
of ALZHEIMER'S DISEASE
FOUNDATION MALAYSIA
GERONTOLOGICAL
ASSOCIATION OF MALAYSIA
MALAYSIAN HEALTHY AGEING
SOCIETY
and MALAYSIAN SOCIETY OF
GERIATRIC MEDICINE

Chance to shape policies on health and nutrition

WHILE the notion that one can be healthy if one chooses to is valid – as individuals can make healthy choices by being informed and disciplined consumers – it overlooks a bigger factor that shapes our eating behaviours – our food environment.

Food environment refers to the everyday setting where we access foods and decide what to eat. It can vary according to an individual's location, lifestyle and occupation.

A healthy food environment is one that allows, or even encourages, people to make food choices that contribute to their health and well-being. For example, if you are in a food environment where healthy options are readily available and more affordable than unhealthy choices, you are more likely to opt for the former.

In contrast, if you are in a food environment dominated by fast food restaurants and convenience stores, you are more likely to purchase fast foods and unhealthy snacks.

Worryingly, the current food environment in Malaysia does not make healthy food choices easy. This is due to several fac-



tors, including easy access to, and the desirability of, unhealthy foods, and the high cost of healthier and more nutritious options.

Over the past decades, Malaysia's reliance on food imports has grown significantly, and so has the import of highly processed, energy-dense and high-fat, sweetened or salty foods. High consumption of such foods is commonly associated with obesity and non-communi-

cable diseases (NCDs) such as diabetes and heart diseases.

On the other hand, our national supply of fruits and vegetables, from both local production and import, is insufficient to meet the recommended daily intake of the population. It is therefore not surprising that national health surveys consistently show Malaysians do not consume adequate fruits and vegetables.

The use of online food deliv-

ery services, which gained popularity during the Covid-19 pandemic, also poses additional challenges for Malaysians to eat healthily.

While consumers enjoy greater convenience and wider choices when buying food online, they are also exposed to more unhealthy options.

The convenience of having food delivered to the doorstep may also promote excessive consumption and a sedentary lifestyle, further increasing the health risks of our population.

Besides accessibility and affordability, marketing and advertising are other significant factors in the food environment that significantly influence our food preferences.

There is strong evidence showing that unhealthy foods like sweetened beverages, ice cream, fast food and snacks are advertised at a higher rate than healthy foods. Even more concerning, these advertisements tend to target children.

At the same time, the cost of a healthy diet has been rising every year, yet wages for most Malaysians have remained stagnant. This means more people, particularly those earning low

wages, will struggle to afford nutritious food, which tend to cost more.

While one can argue that meals prepared at home can be nutritious and affordable, there are hidden costs to home-cooked meals. For people facing time constraints due to work, commuting and fulfilling care responsibilities daily, meal preparation can become a burden. For those with low income or living in rental units, kitchen equipment and storage facilities may be limited, restricting their ability to cook at home or prepare meals in bulk.

In preparation for the upcoming National Plan of Action for Nutrition of Malaysia (NPNAM IV), the Nutrition Division of the Health Ministry is encouraging the public and stakeholders to submit their feedback and nutritional aspirations via the Aspirasi Pemakanan Rakyat (Aspera) initiative. This is an opportunity for Malaysians to collectively shape the policies that will impact our health and nutrition.

DR TEOH AI NI
Research associate
Khazanah Research Institute

AKHBAR : THE SUN
MUKA SURAT : 11
RUANGAN : SPEAK UP

Need for more than just health precaution

COMMENT
By Dr Jeremy Quah

As we celebrate World Heart Day (Sept 29) and International Day of Older Persons (Oct 1), I would like to highlight the importance of preventing influenza, particularly among older adults and those with heart diseases. These groups face heightened risks, especially since influenza can trigger severe complications, including heart attacks.

Moreover, there is significant overlap among these high-risk groups. For instance, influenza can trigger an individual's first heart attack. Among adults over 40 years old, published data recorded a tenfold increase in first heart attack rates among patients who had contracted influenza.

Meanwhile, many of my older patients are accompanied by their adult children, who have a sincere desire to keep their parents safe from harm, especially those who are frail and in poor health. This often involves asking them to limit their activities to prevent illness or injury.

Despite their best intentions, however, staying safe should not come at the expense of living a full life.

In your golden years, being surrounded by loved ones and engaging in activities that bring you joy, whether it is line dancing, travelling or celebrating special moments with friends, truly enriches your life.

After decades of hard work and raising a family, embracing this vibrant phase as a retiree, mentor, parent, grandparent and cherished friend is what quality of life is all about.



As we age, our immune systems naturally weaken, making us more susceptible to infectious diseases like influenza. – ADIB RAWI YAHYA/SUNPIC

I deeply believe in the importance of older adults staying active and enjoying a fulfilling life, free from the burdens of illness.

One vital yet often overlooked aspect of health protection is the annual influenza vaccination. This vaccine is not just a precaution, it is a key safeguard against the many risks and complications that can arise from influenza, helping to ensure you can continue to embrace life's joyful moments.

As we age, our immune systems naturally weaken, making us more susceptible to

infectious diseases like influenza.

Research indicates that a staggering 90% of influenza-related deaths occur in individuals aged 65 and older. The risk of dying from influenza is five times greater for those with heart disease and 20 times higher for individuals with heart and pulmonary conditions. Even for those who recover, the consequences can be severe, often leading to loss of function or disability.

The combination of ageing, chronic health issues and influenza places older adults at a

higher risk of serious illnesses, complications and extended hospital stays.

It has also been noted that more major cardiovascular events occur following influenza outbreaks.

Thankfully, there is also comprehensive research that highlights the protective benefits of influenza vaccines, which can help to reduce the risk of death by 48% among older persons.

A recent study also found a 41% reduction in cardiovascular mortality among those who received the influenza vaccination within 72 hours of a coronary procedure or hospitalisation.

As we approach the season of year-end travels and festive gatherings, let us be mindful that the influenza virus is easily passed from person to person, especially among the same household and in crowded conditions, which increase potential exposure and spread of the virus.

With Malaysia now officially an ageing nation, with 2.5 million (7.4%) individuals aged 65 and older, we urgently need greater awareness on the elevated risk faced by older persons, so that we can make influenza vaccinations a priority for this vulnerable group.

I encourage all older adults to value your health and recognise its importance. A single influenza infection can have serious and irreversible consequences.

Prioritise your well-being by getting your influenza vaccine. It is a vital step to help you stay healthy and fully enjoy all the wonderful moments life has to offer.

Dr Jeremy Quah is a cardiologist at the National Heart Institute.
Comments: letters@thesundaily.com